

28/07/2000

Pastikan warisan tidak dihakis: Hassan

PROSES pemodenan negara yang dilakukan tidak seharusnya menjejaskan sejarah sedia wujud, sebaliknya dimanfaatkan sebagai panduan ke arah pengekalan unsur berkaitan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman, berkata oleh itu peluang yang ada wajar digunakan sepenuhnya ke arah memastikan usaha mengekalkan unsur berkenaan.

"Keadaan seumpama itu yang berlaku di negara ini jelas menunjukkan semua pihak perlu menjalin kerjasama erat memastikan proses pemodenan negara tidak menjejaskan unsur sejarah yang diwarisi.

"Justeru, persidangan antarabangsa seumpama ini harus dijadikan titik tolak dalam mengetahui hal berkaitan sejarah di rantau ini terutama yang berlaku berkaitan negara ini," katanya sempena Persidangan Antarabangsa Persatuan Sejarahwan Asia (IAHA) Ke-16 membabitkan 400 peserta di Hotel Magellan Sutera, semalam.

Persidangan itu kali ketiga diadakan di negara ini sejak IAHA diwujudkan pada 1960. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Universiti Malaysia Sabah (UMS); IAHA; semua universiti tempatan; Persatuan Sejarah Malaysia, Muzium Negara dan Muzium Melaka diberikan penghormatan sebagai penganjur persidangan.

Persidangan yang disifatkan berprestij itu diadakan dengan tema 'Sejarah Asia 100 Tahun: Abad Ke-20 Dalam Perspektif Sejarah'. Sebanyak 200 kertas kerja pelbagai tema dibentang pada persidangan itu.

Ia antara lain menyentuh soal nasionalisme, ekonomi, agama, kesusasteraan, hak asasi manusia, fungsi wanita Asia dan berkaitan sejarah.

Dr Abu Hassan berkata fenomena ramai rakyat di negara ini tidak mengambil berat mengenai sejarah negara sendiri menimbulkan suasana kurang disenangi yang tidak sepatutnya dibiarkan.

Sehubungan itu, beliau menyarankan generasi yang ada di negara ini mencari pendekatan yang lebih menyeluruh dan berkesan dalam pengekalan sejarah serantau.

(END)